

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 24/08/2007

Raja Zainal Abidin isytihar merdeka di Kangar

Sebelum Merdeka

PETALING JAYA 23 Ogos - Sebelum merdeka, tidak ramai anak Melayu yang berpeluang menjalani latihan formal apatah lagi latihan di luar negara.

Bagaimanapun, dalam tidak ramai itu, Datuk Raja Zainal Abidin Raja Tachik, 90, adalah antara yang bertuah kerana terpilih untuk menjalani latihan selama enam bulan di Amerika Syarikat pada awal tahun 50-an.

Beliau ketika itu telah dihantar oleh Tunku Abdul Rahman untuk menjalani latihan khas pengurusan pentadbiran di Universiti Colombia.

"Pada masa itu, hanya 50 orang dari seluruh dunia menghadiri latihan tersebut. Latihan itu ditaja oleh kerajaan Amerika Syarikat kerana mereka hendak memberitahu dan 'mengajar' dunia kenapa mereka boleh maju.

"Mereka mendakwa maju kerana ada ilmu pengetahuan dan bukannya disebabkan ada kekayaan dan duit," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Bermula dari detik itu, beliau mula terlibat dalam pelbagai jawatan termasuk menganggotai jawatankuasa bagi menimbang Perlembagaan Persekutuan dan Negeri selepas kemerdekaan yang turut dianggotai oleh wakil British dikenali sebagai Neil Lawson.

Seterusnya, Raja Zainal Abidin terus diberi peranan penting dalam bidang pentadbiran apabila dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis pada Ogos 1956 sehingga Ogos 1958.

Ketika menjawat jawatan itulah, beliau melalui peristiwa penting yang tidak akan dilupakannya iaitu mewakili Raja Perlis dan Menteri Besar ketika itu, untuk membacakan pengisytiharan kemerdekaan di Padang Kangar pada 31 Ogos 1957.

"Ketika itu, Raja Perlis dan Menteri Besar pergi ke Kuala Lumpur untuk menghadiri pengisytiharan kemerdekaan Tanah Melayu," katanya sambil menunjukkan sekeping gambar yang tergantung utuh di dinding rumahnya.

Mengingati saat itu, Raja Zainal Abidin berkata, tiada ungkapan yang dapat diluahkan, selain rasa bangga dan bersyukur kerana negara akhirnya mencapai kemerdekaan.

Ini kerana, di sepanjang hayatnya, beliau telah melalui lima zaman pahit ketika negara bertukar tangan diperintah oleh penjajah termasuk komunis sebelum beroleh kemerdekaan dan kebebasan mutlak.

Zaman 'hitam' itu bermula ketika Tanah Melayu di perintah oleh British iaitu sebelum kelahirannya pada 12 Oktober 1917.

Kemudian, era penjajah Barat itu bertukar tangan apabila Jepun menguasai Tanah Melayu, sehinggalah negara 'Matahari Terbit' itu menyerah kalah pada tahun 1945.

Gembira bebas daripada cengkaman Jepun tidak lama, apabila komunis pula memerintah Malaya yang ketika itu di bawah 'tempoh peralihan' Pentadbiran Tentera British (BMA).

Menurut Raja Zainal Abidin, sungguhpun zaman kekuasaan komunis hanya sekejap tetapi kesannya amat besar pada negara dan masyarakat.

"Pada zaman tersebut, ramai orang Melayu yang sebelum itu menjadi 'mata-mata' dan 'informer' Jepun dibunuh oleh komunis," kata beliau.

Beliau masih ingat bagaimana anggota komunis pergi ke pekan-pekan di Teluk Intan untuk mencari 'mata-mata' dan 'informer' tersebut untuk ditangkap, diikat dan dibunuh.

"Saya masih ingat bagaimana



ZAINAL Abidin Raja Tachik menunjukkan gambar beliau mengisytiharkan merdeka di Kangar ketika ditemui di Petaling Jaya, baru-baru ini.

seorang lelaki berpangkat sarjan telah lari ke rumah saya dan menyorok di dapur untuk menyelamatkan diri daripada mati dibunuh komunis," katanya yang pernah bekerja sebagai seorang majistret di Teluk Intan.

Selain Teluk Intan, katanya, komunis turut terdapat di sekitar Tanjung Malim dan Slim River.

Bagaimanapun, kata Raja Zainal Abidin, kedatangan semula tentera

British telah menamatkan pemerintahan 'berdarah' komunis.

Malah, katanya, keadaan di Tanah Melayu beransur baik apabila pentadbiran Tanah Melayu di bawah kuasa tentera, diambil alih oleh kerajaan British.

"Pada zaman itulah orang Melayu mula dilantik menjadi pegawai daerah dan sebagainya serta membolehkan usaha mendapat kemerdekaan dibuat," katanya.